

16/07/2001

`Bertindak terhadap penyeludup pita debat Umno-Pas'

Azman Mahmood

KOTA BHARU, Ahad - Umno digesa mengambil tindakan terhadap mereka yang bertanggungjawab membocor dan menyeludup keluar salinan rakaman debat Umno-Pas yang dibuat secara sulit dan tertutup kepada umum.

Tindakan itu penting supaya Umno tidak terus membiarkan wujud golongan yang dianggap bersifat talam dua muka terus berada dalam parti.

Seorang anggota panel debat itu, Wan Ismail Wan Ahmad, berkata jika mereka terbabit dibiarkan bebas, tidak mustahil lebih banyak lagi perkara sulit yang menjadi rahsia parti akan dibocorkan terutama disalurkan kepada pembangkang.

Katanya, dalam kes pembocoran rakaman sulit debat Umno-Pas jelas menunjukkan wujud golongan tidak setia kepada parti sehingga sanggup mendedahkan kepada pihak tidak bertanggungjawab mengenai program itu.

Beliau berkata, lebih malang apabila majlis debat olok-olok itu dijadikan bahan komersial yang dijual secara bebas dan diubah-suai oleh mereka yang ada kepentingan politik di pihak pembangkang.

"Umno tidak boleh membiarkan mereka yang melakukan pengkhianatan (menyeludup keluar rakaman video) kepada parti dan tindakan tegas perlu diambil secepat mungkin," katanya kepada Berita Harian, di sini hari ini.

Beliau berkata demikian ketika ditanya mengenai langkah sewajarnya yang perlu diambil Umno terhadap mereka yang membocorkan rakaman debat sulit Umno-Pas yang diadakan secara tertutup, di Putrajaya pertengahan tahun lalu.

Akhir bulan lalu, Umno dilaporkan akan mengeluarkan versi penuh rakaman video majlis perbincangan isu takfir yang kini dijual secara terbuka termasuk di majlis ceramah Pas.

Penasihat Khas Agama kepada Perdana Menteri, Datuk Dr Abdul Hamid Othman ketika menjelaskan perkara itu berkata, ia diadakan bertujuan mengetahui apa sebenarnya hujah Pas dalam mengkafirkan orang Umno sekali gus menjadikan perbincangan itu sebagai majlis ilmu.

"Malangnya, pita rakaman itu tidak disiarkan sepenuhnya... dia ambil sebelah pihak saja. Dia (Pas) tidak siar jawapan kita (Umno) dari segi akademik dan realiti umat Islam," katanya.

Debat tertutup itu ada dua siri menyentuh isu takfir yang turut disaksikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan pemimpin tertinggi Umno, dipengerusikan Abdul Hamid.

Anggota panel menyertai majlis ilmu itu, masing-masing diwakili lima orang dengan pembangkang oleh bekas Setiausaha Dewan Ulama Pas Kelantan, Wan Ismail, bekas Ketua Dewan Ulama Pas Terengganu, Ghazali Ahmad, bekas tokoh Dewan Ulama Pas Kelantan, Mohd Noor Deris, bekas aktivis Pas, Omar Khalid dan Pengerusi Majlis Fatwa Kebangsaan, Datuk Dr Ismail Ibrahim.

Umno diwakili Ketua Jabatan Penerangan Khas, Datuk Zainal Abidin Abdul Kadir, Pengerusi Biro Agama Umno Terengganu, Datuk Shafei Daud, Pengerusi Yayasan Dakwah Islamiah (Yadim), Datuk Nakhaei Ahmad, Wan Zahid Wan Teh dan Mustapa Taib.

Pada majlis itu, anggota panel pembangkang bebas memperkatakan Umno kafir sementara Umno mengemukakan hujah menjawab tuduhan itu.

Wan Ismail mendakwa, sehingga kini penjualan VCD itu yang disifatkan secara haram dan bahan cetak rompak itu sudah menular sehingga ke selatan Thailand.

Katanya, jika langkah menangani penjualan VCD palsu yang sudah diubah

suai itu tidak diambil segera, ia boleh menimbulkan kekeliruan kepada umat Islam di negara jiran dan persepsi mereka terhadap Umno.

"VCD debat Umno-Pas tertutup yang diubah suai itu kini bukan saja boleh didapati di pasar-pasar malam dengan pelbagai tajuk pada kulitnya tetapi turut dijual sehingga ke selatan Thailand khususnya di pekan Sungai Golok.

"Jika orang ramai mahu melihat debat sebenarnya mereka hendaklah mendapatkan VCD yang sudah pun dikeluarkan oleh Umno Pusat sejak sebulan lalu dalam bentuk versi penuh mengandungi empat CD, sekali gus membabitkan dua siri perbahasan mengenai isu takfir," katanya.

(END)